

# 177 kakitangan UMS akan terima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang malam ini di 1Borneo

**KOTA KINABALU:** Seramai 177 kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kali Ke-7 pada 24 Jun (Jumaat).

Majlis yang diadakan bagi meraikan para kakitangan yang mempamerkan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2010 itu akan diadakan di Grand Ballroom, 1Borneo bermula jam 7.30 malam.

Selain Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, majlis yang dianjurkan melalui Jabatan Pendaftaran itu juga akan memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap kakitangan yang terpilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Terpuji (APT), Anugerah Jasa Bakti (Perkhidmatan 10 Tahun), Anugerah Jasamu Dikembangkan (Pesara), Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang dan

Anugerah Khas Naib Canselor.

Bagi penerima APC, selain sijil, mereka juga akan diberikan cek bernilai RM1,000 sebagai tanda penghargaan atas sumbangan dan komitmen tinggi yang ditunjukkan.

Penerima bagi kategori ini dipilih oleh jawatankuasa pemilih berdasarkan perkhidmatan cemerlang yakni mutu atau penghasilannya melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa.

Sebanyak lapan peratus calonan APC telah dinilai daripada jumlah keseluruhan kakitangan UMS sehingga 31 Disember 2010.

Majlis perasmian dan penyampaian anugerah dijangka akan disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon.